

Interaksi Sosial Masyarakat Johor-Riau Antara Tahun 1600 Hingga 1700 Berdasarkan Karya-Karya Historiografi Terpilih

Social Interaction of Johor-Riau Society between 1600-1700 Based on Selected Works of Historiography

Ayu Nor Azilah binti Mohamad¹, Wayu Nor Asikin Mohamad²

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan tentang interaksi sosial yang berlaku dalam kerajaan Johor dengan melihat kewujudan Johor-Riau, kedatangan orang-orang Minangkabau, orang-orang Bugis, dan Belanda ke Johor-Riau. Kemasukan golongan ini telah mengubah orientasi padangan hidup masyarakat, meluaskan wawasan pemikiran, menggalakkan berlangsungnya proses interaksi dan pembudayaan. Oleh itu timbul persoalan adakah masyarakat Johor-Riau sendiri yang membenarkan perubahan itu? Pendekatan sejarah digunakan untuk menjelaskan persoalan itu dengan berdasarkan kepada karya-karya historiografi terpilih. Menurut kajian ini jelas transisi sosial itu berpunca daripada perubahan sikap orang Melayu terhadap pemimpin tanah air sendiri. Di samping itu, turut terlihat keizinan dan kerelaan rakyat Johor menerima kemasukan orang Minangkabau dan orang Bugis menjadi sebahagian daripada masyarakat Melayu Johor. Kaum pendatang berusaha membina kedudukan yang kukuh di tanah perantauan dengan menggunakan kekuatan dan kesempatan rakyat Johor-Riau menerima kemasukan mereka. Antaranya ialah meluaskan pengaruh dengan menguasai pentadbiran negeri. Konflik bermula apabila berlaku perebutan takhta kerajaan Johor antara orang Melayu, orang Minangkabau dan orang Bugis. Kemenangan berpihak kepada orang Bugis yang berjaya mengukuhkan kedudukan mereka dengan menguasai pentadbiran, ekonomi dan sosial kerajaan Johor-Riau. Peristiwa ini wajar diutarakan untuk pengajaran demi kelangsungan pemajmukan di Malaysia hari ini dan akan datang.

Kata kunci: Transformasi Sosial, Masyarakat, Johor-Riau

ABSTRACT

This article discusses social transformation in the state of Johor by looking at the existence of the Johor-Riau, the arrival of the Minangkabau, Bugis, and Netherlands to the Johor-Riau. The inclusion of this group has changed the orientation of the vision of life, broaden the horizons of thought, encourage the interaction and promote the process of acculturation. Thus, the question arises; does the Johor-Riau society itself that allow the changes? The study uses the historical approach to explain this question based on the selected works of historiography. It is clearly shown that social transition was caused by the changes in Malays' attitude towards their leaders. In addition, the people of Johor itself were ready to accept Minangkabau and Bugis people to be a part of the Johor. These immigrants used this opportunity trying to build a strong position in this new land by empowering their influence in the state administration. Thus, the conflict arose when there was a struggle for the throne

¹ Pensyarah. Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. ayunorazilah@kuis.edu.my

²Pensyarah. Jabatan Pengajian Bahasa. Bahagian Pembangunan Usahawan dan Pengajian Bahasa. Kolej Universiti Bestari. Terengganu. wayu@ucbestari.edu.my

of Johor between Malay, Minangkabau and Bugis. The Bugis people won, and later they managed to strengthen their position by taking control of the administrative, economic and social of the Johor-Riau. This event is significant for intriguing diversity in Malaysia today and tomorrow.

Keywords: Social Transformation, Community, Johor-Riau

Pengenalan Johor-Riau

Kepulauan Riau atau dikenali juga dengan nama “Pulau Segantang Lada”, sudah sedia terkenal dalam sejarah bangsa Melayu sejak beberapa zaman dahulu. Pulau Bintan iaitu sebuah di antara pulau-pulau yang terbesar di kepulauan tersebut sudah mempunyai raja pemerintah beberapa lama sebelum wujudnya Kesultanan Melayu Melaka bahkan pada zaman Singapura masih dikenali dengan nama “Temasik” (A. Samad Ahmad 1985: vii).

Kedudukan Pulau Bintan ternyata penting dalam aliran sejarah bangsa Melayu. Sultan Melaka yang terakhir, Sultan Mahmud Syah telah berundur ke Pulau Bintan selepas Melaka jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511. Di sekitar Pulau Bintan itulah juga pada suatu zaman yang terkemudian telah menjadi tempat terletaknya pusat Kerajaan Johor-Pahang-Riau-Lingga. Nama Pulau Bintan dikaitkan dengan kisah pada zaman dahulu ketika pemerintah seorang raja perempuan iaitu Wan Seri Beni. Semasa Wan Seri Beni merajai Pulau Bintan itu di Bukit Seguntang, Palembang yang mempunyai seorang raja bernama Nila Utama nama asalnya dan gelarannya Sri Tri Buana.

Nila Utama berhasrat hendak mencari tempat berbuat negeri kerana baginda tidak suka tinggal di Palembang. Untuk memenuhi hasrat itulah, baginda telah berangkat membawa isteri baginda diiringi Mangkubumi Demang Lebar Daun serta menteri hububalang sekalian dengan segala kelengkapannya belayar meninggalkan Palembang (A. Samad Ahmad 1985: ix).

Setelah beberapa hari di laut, angkatan baginda tiba di Selat Sambu. Berita Sri Tri Buana itu sampai ke Pulau Bintan, lalu Wan Seri Beni, raja Bintan menyuruh menyambutnya dengan segala kemuliaan. Wan Seri Beni telah mengambil Sri Tri Buana sebagai anak angkatnya dan kemudiannya Sri Tri Buana telah ditabalkan menjadi raja di Bintan (Raja Haji Ahmad dan Raja Ali Haji 1982: 2). Pada suatu hari, Sri Tri Buana membawa isteri baginda diiringi menteri hulubalang sekalian menyeberang ke Bengkilau bermain-main sambil memburu binatang. Kemudian baginda menyeberang pula ke Tanjung Bemban sampai ke sebelah Tanjung Sengkuang. Dari atas sebuah bukit itulah baginda terlihat pantai di seberang sana yang amat permai iaitu pantai Temasik. Baginda terpesona oleh pemandangan ini dan ingin pergi ke tempat itu.

Satu peristiwa telah berlaku sebelum kenaikan Sri Tri Buana sampai ke pantai Temasik. Di perairan Teluk Belanga, kenaikan baginda dan perahu-perahu pengiring telah dipukul ribut barat daya sehingga kenaikan baginda hampir karam. Ribut kencang itu berhenti setelah baginda meletakkan “Mahkota Kudrat” ke dalam air. Baginda melakukan demikian atas nasihat Demang Lebar Daun. Setelah sampai ke pantai Temasik, baginda pun berangkat diiringi oleh Orang Besar-besar melihat sekitar tanah Temasik itu. Apabila melihat pemandangan itu, baginda telah berazam hendak berbuat negeri di situ.

Ketika baginda bersemayam di bawah seponon jambu laut di kawasan pantai itu, tiba-tiba melintas seekor binatang, tangkas lakunya dan terlalu perkasa sikapnya. Baginda bertanyakan nama binatang itu, maka sembah Demang Lebar Daun, menurut cerita orang dahulu “singa” namanya. “Patutlah kita perbuat negeri tempat ini, kerana binatang gagah ada

di dalamnya; dan sebutlah Temasik ini Singapura”, titah Sri Tri Buana (A. Samad Ahmad 1979: 18-39).

Selepas Sri Tri Buana, ada empat orang lagi raja memerintah Singapura iaitu Sri Pikrama Wira, Sri Rakna Wikrama, Paduka Sri Maharaja dan Iskandar Syah. Pada zaman pemerintahan Raja Iskandar Syah inilah Singapura alah dilanggar angkatan perang Majapahit. Raja Iskandar Syah telah berundur menyeberang ke Tanah Besar lalu membuka negeri dan berkerajaan di Melaka. Setelah mangkat Raja Iskandar Syah, maka zuriat bagindalah turun-temurun merajai Melaka sehinggalah beberapa generasi kemudian. Apabila tiba zaman pemerintahan Sultan Ahmad Syah, angkatan perang Portugis datang melanggar dan mengakibatkan berakhirnya Kesultanan Melayu Melaka.

Sultan Ahmad Syah dan ayahanda baginda, Sultan Mahmud Syah terpaksa berundur ke Muar. Sultan Mahmud bersemayam di Batu Hampar dan anakanda Sultan Ahmad di Pagoh. Pagoh menjadi masyhur di bawah pemerintahan Sultan Ahmad. Sekali lagi Portugis menyerang dan membinasakan negeri itu. Sultan Mahmud, Tun Fatimah dan Sultan Ahmad terpaksa berundur ke Penarekan. Dari sana mereka terus ke Pahang dan kemudian ke Bentan. Apabila sampai di Bentan, Sultan Mahmud bersemayam di Kota Kara dan Sultan Ahmad membuka negeri di Kopak. Akhirnya baginda Sultan Ahmad mangkat di Kopak dan dimakamkan di Bukit Batu. Inilah yang disebut orang “marhum di Bukit Batu”. Kemangkatan baginda itu dikatakan akibat diracun oleh ayahanda baginda Sultan Mahmud Syah sendiri (Shaharom Husain 1995:7).

Tujuan Kajian

Teks-teks yang digunakan tergolong dalam karya-karya historiografi atau sastera sejarah. Ini jelas bahawa karya-karya ini banyak mengadungi unsur-unsur sejarah. Kaedah kajian menggunakan pendekatan sejarah kerana banyak melibatkan fakta-fakra sejarah berkaitan peristiwa yang dibincangkan.

Objektif kajian ini ialah untuk melihat interaksi sosial yang berlaku dalam masyarakat dan kerajaan Johor-Riau. Ini berpunca daripada kedatangan orang-orang Minangkabau, Bugis dan Belanda ke Johor-Riau yang telah mengubah orientasi pandangan kehidupan masyarakat, meluaskan wawasan pemikiran, menggalakkan berlangsungnya proses interaksi dan pembudayaan. Hal ini wajar berlaku kerana aktiviti perdagangan, perhubungan dan pembudayaan ketika itu. Secara tidak langsung aktiviti ini telah mengubah corak kehidupan masyarakat Johor-Riau ketika itu.

Permasalahan Kajian

Kemasukan unsur-unsur luar telah menyebabkan masyarakat Johor-Riau mengalami satu perubahan sosial yang jelas dalam kehidupan daripada aspek sosial, ekonomi, politik dan sebagainya. Pertembungan budaya yang berlaku telah menimbulkan beberapa persoalan yang perlu dijawab dalam bentuk ilmiah:

- 1) Mengapakah interaksi sosial itu berlaku?
- 2) Mengapakah masyarakat Johor-Riau membenarkan dan menerima unsur-unsur luar menyerap masuk dalam kehidupan mereka?
- 3) Bagaimanakah reaksi dan penerimaan masyarakat tempatan terhadap perubahan yang berlaku?

Skop Kajian

Kajian ini meneliti transformasi sosial yang berlaku dalam masyarakat berdasarkan beberapa teks historiografi terpilih. Fokus kajian ini ialah meneliti pola transformasi sosial masyarakat Johor-Riau antara tahun 1600 hingga 1700 selepas menerima kemasukan orang-orang Minangkabau, Bugis dan Belanda.

Bagi melihat perubahan sosial ini, beberapa buah teks historiografi yang sesuai dengan situasi dan fokus kajian sahaja akan digunakan. Antara teks-teks yang akan diteliti untuk tujuan analisis ialah:

- 1) Raja Ali Haji. 1965. *Tuhfat al-Nafis*. Singapura:Malaysia Publication Limited.
- 2) Mohd Yusoff Hashim (pnyl.). 1992. *Hikayat Siak*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 3) Mohd Yusof Md Nor (pnyl.). 1984. *Salasilah Melayu dan Bugis*. Petaling Jaya:Fajar Bakti.
- 4) Rogayah A. Hamid (pnyl.). 1980. *Hikayat Upu Daeng Menambun*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.

Namun begitu, beberapa teks lain yang berkaitan dengan topik ini akan digunakan juga.

Pendekatan Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan sejarah. Kesemua peristiwa yang dilukiskan berdasarkan fakta-fakta yang benar dan sahih tanpa mengambilkira sama ada karya-karya yang dihasilkan itu untuk menjelaskan perkara yang positif atau negatif.

Dalam konteks sastera sejarah di sini, fakta yang mendasari jalan cerita telah ditokok tambah oleh penulis bagi mencapai matlamat karya itu dihasilkan. Antara tujuan karya itu dihasilkan ialah untuk menjadi panduan kepada generasi yang akan datang. Kedua, melahirkan satu kebanggaan bahawa mereka itu berasal daripada keturunan mulia misalnya tokoh Iskandar Zulkarnain. Di sini sifat sejarah itu telah menjadi kebenaran yang subjektif dan bukan kebenaran yang objektif lagi. (Rogayah A. Hamid 1980: 2)

Kedatangan Minangkabau, Bugis dan Belanda sememangnya satu fakta sejarah yang realiti dan fakta ini tidak boleh disangkal kebenarannya. Oleh itu dalam konteks kajian ini, pendekatan sejarah amat sesuai digunakan kerana dapat memberi kefahaman tentang interaksi sosial yang berlaku dalam masyarakat Johor-Riau berdasarkan teks-teks yang diteliti.

Sejarah Kemasukan Minangkabau Ke Johor-Riau

Masyarakat Minangkabau yang tinggal di Semenanjung Tanah Melayu dan di pantai timur Sumatera membuat kediaman di pinggir kawasan yang sebahagian besarnya dikuasai oleh orang Melayu. Mereka akur duduk di bawah kekuasaan politik sama ada pemerintah Melayu ataupun pemerintah Belanda. Apabila kerajaan Melayu Melaka jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511, orang-orang Minangkabau bergerak bebas.

Pada tahun 1677, petempatan-petempatan orang Minangkabau di Rembau, Sungai Ujung yang berada di wilayah taklukan Johor manakala Nanning yang berada dalam takluk Belanda telah memohon dan berjaya mendapat seorang pemerintah yang dipanggil Raja Ibrahim daripada yang dipertuan Pagar Ruyung. Kehadiran seorang pemerintah Minangkabau di tengah-tengah wilayah taklukan Johor mendedahkan ancaman yang jelas terhadap pengaruh Johor di alam Melayu dan sebagai satu cabaran secara langsung ke atas kedaulatannya. Pada masa yang lalu, Rembau dan Sungai Ujung merupakan satu kawasan

pegangan kepada salah seorang Orang Kaya dan sentiasa tunduk kepada kedaulatan Johor. Dengan kemunculan Raja Ibrahim, kedua-dua Rembau dan Sungai Ujung telah memindahkan taat setia mereka daripada Johor kepada pemerintah yang datang dari Sumatera itu (Andaya L. Y. 1987:146).

Selepas itu, Raja Kecil muncul dan mendakwa bahawa beliau adalah pewaris tunggal Kerajaan Johor. Raja Kecil telah menghantar seorang menterinya yang pandai memujuk, dengan mengatakan Raja Kecil sebenarnya anak marhum Sultan Mahmud Mangkat Dijulang. Sesiapa yang tidak mahu mengikut Raja Kecil akan ditimpa daulat Marhum Mangkat Dijulang dan tidak selamat sampai ke anak cucu. Sebaliknya sesiapa yang menyokongnya dijanjikan akan mendapat kurniaan daripada Raja Kecil yang sudah menyediakan beberapa kayu kain yang bermutu. Apabila rakyat mendengar berita itu, rakyat menyambut baik dan menyeru kehadiran Raja Kecil dengan menyatakan kesanggupan untuk menyokong sepenuhnya terutamanya suku keluarga Laksamana iaitu bapa kepada Encik Pung. (Muhammad Yusoff Hashim 1992:123).

Encik Pung pula dipercayai ibu kepada Raja Kecil iaitu gundik Sultan Mahmud Mangkat Dijulang. Encik Pung telah menelan air manikam Sultan Mahmud Syah dan telah ditakdirkan mengandung. Selepas itu beliau telah melahirkan Raja Kecil. Raja Kecil telah dipelihara oleh Puteri Jamilan di Pagar Ruyung setelah dibawa oleh Nakhoda Malim ke Pagar Ruyung. Bagi mengukuhkan bukti bahawa Raja Kecil memang anak kepada Sultan Mahmud, Puteri Jamilan telah membekalkan alat kebesaran seperti cap, sepah dan rambut Puteri Jamilan, panjang lima depa dan kupang-kupang dua butir kepada Raja Kecil.

Di samping itu, Raja Kecil dikatakan mempunyai kebolehan tertentu seperti menukarkan air yang masin menjadi tawar dan ini dilakukan atas permintaan rakyat Johor. Kejayaan pembuktian itu disambut dengan memberi "daulat" kepada Raja Kecil (Muhammad Yusoff Hashim 1992:124-125).

Johor dilanda persengketaan dalam negeri dan suasana saling curiga-mencurigai disebabkan oleh pergolakan yang diakibatkan oleh perlantikan Bendahara Tun Abdul Jalil menjadi Sultan Abdul Jalil Riayat Syah pada tahun 1699. Situasi ini telah melemahkan kekuatan Johor dan menjadi salah satu punca kemenangan Minangkabau ke atas Johor. Selain itu, faktor kemenangan Raja Kecil juga berpunca daripada peranan yang dimainkan oleh Laksamana dan dalam kalangan Orang Kaya yang belot terhadap negeri sendiri dengan menyebelahi Raja Kecil. Raja Kecil telah dilantik menjadi Sultan Johor dengan gelaran Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah dan Sultan Abdul Jalil telah diberikan jawatannya yang asal iaitu Bendahara. Raja Kecil mengukuhkan lagi kedudukan beliau melalui perkahwinannya dengan Tengku Kamariah, anak Bendahara.

Apabila Raja Kecil berjaya menakluki Johor, salah satu alasan yang diberikan atas penaklukan itu ialah untuk membalas dendam kepada Raja Muda kerana perlakuan beliau yang tidak wajar terhadap orang Minangkabau. Menurut Raja Kecil, Raja Muda bukan sahaja mengambil wanita Minangkabau sebagai gundik malah telah memaksa beberapa orang wanita menjadi hamba. Ini adalah amalan yang sangat menghina kepada masyarakat matrilineal Minangkabau terutama sekali kepada Puteri Jamilan (Andaya L.Y. 1987:359). Di samping itu, agama Islam turut melarang masyarakat merendahkan golongan wanita dan mengharamkan aktiviti perhambaan (Jayaudin Jamaudin 1993:173).

Peristiwa Kemasukan Bugis Ke Johor-Riau

Kewujudan orang-orang Bugis di Johor-Riau bermula apabila Upu lima bersaudara menerima surat daripada Raja Sulaiman di Riau. Jemputan itu diterima oleh Upu lima bersaudara dan mereka telah pergi ke Riau setelah selesai kerja di Matan. Bugis lima bersaudara yang diketuai oleh saudara tua mereka iaitu Daing Perani, telah datang melawat Johor. Kedatangan

raja-raja Bugis itu telah disambut oleh Raja Kecil. Pada masa itulah Raja Sulaiman dan saudaranya Tengku Tengah telah membuat keputusan supaya Tengku Tengah dikahwinkan dengan salah seorang daripada raja-raja Bugis itu dan meminta tolong kepada mereka untuk mengalahkan Raja Kecil. Rancangan itu telah dipersetujui juga oleh ayahanda mereka Sultan Abdul Jalil (Rogayah A.Hamid 1980: 34).

Raja Sulaiman dan Tengku Tengah telah menjemput raja-raja Bugis itu ke majlis jamuan di istana mereka. Pada masa itulah secara sulit, Tengku Tengah dan Raja Sulaiman telah meminta Daeng Perani dan saudaranya itu membantu menghilangkan malu akibat perbuatan Raja Kecil. Raja Kecil telah memutuskan ikatan pertunangan dengan Tengku Tengah dan berkahwin dengan Tengku Kamariah. Peringkat awal, Raja Kecil telah bertunang dengan Tengku Tengah dalam rancangan mengeratkan perhubungan dengan keluarga Sultan Abdul Jalil. Pada Hari Raya, Sultan Abdul Jalil telah membawa puterinya, Tengku Tengah, Tengku Mandak dan Tengku Kamariah pergi mengadap Raja Kecil. Apabila melihat wajah Tengku Kamariah, Raja Kecil terus berkenan melihat puteri itu. Lantas, Raja Kecil telah memutuskan pertunangannya dengan Tengku Tengah dan berkahwin dengan Tengku Kamariah. Tengku Tengah dan Raja Sulaiman sangat marah dengan perbuatan Raja Kecil itu. Kemarahan mereka bertambah setelah ayahanda mereka, Sultan Abdul Jalil telah dijadikan Bendahara semula oleh Raja Kecil.

Raja Sulaiman menjadi lebih marah apabila dikatakan meriam kerajaan Laila Majnum, gendaga emas dan periuk emas serta semua alat kebesaran Johor-Riau telah dibawa pulang ke Siak oleh Raja Kecil. Akhirnya Raja Sulaiman menganggap dirinya adalah wakil kepada rakyat Riau yang ditindas oleh Raja Kecil (Rogayah A.Hamid 1980: 35). Upu Daing lima bersaudara menyatakan kehairanannya melihat negeri Johor yang begitu besar telah ditakluk dengan mudah oleh Raja Kecil. Raja-raja Bugis itu menyatakan kesanggupan mereka mengambil semula kerajaan Johor dari tangan Raja Kecil tetapi hendaklah dibuat suatu perjanjian dahulu antara Raja Sulaiman dengan Upu lima bersaudara itu.

Setelah kedua belah pihak bersetuju, raja-raja Bugis itu membuat perjanjian dengan Raja Sulaiman iaitu jika raja-raja Bugis berhasil mengambil kembali Kerajaan Johor dari tangan Raja Kecil, salah seorang daripada raja-raja Bugis lima bersaudara itu hendaklah dijadikan Yamtuan Muda (Yang di-Pertuan Muda) atau Raja Muda. Jawatan tersebut menjadi jawatan turun-temurun orang-orang Bugis di Johor. Setelah selesai perjanjian itu, Tengku Tengah pun dikahwinkan dengan Daing Perani (Raja Haji Ahmad & Raja Ali Haji 1982: 84).

Raja Kecil begitu cemburu melihat raja-raja Bugis itu tinggal lama di negeri Johor dan menjadi tetamu Raja Sulaiman. Namun, Raja Kecil tidak mengetahui rundingan sulit yang telah dijalankan oleh Raja Sulaiman dan Tengku Tengah dengan raja-raja Bugis. Selepas itu, berlaku peperangan antara pihak Raja Sulaiman dan Upu lima bersaudara dengan Raja Kecil yang berakhir dengan Raja Kecil tewas dan terpaksa berundur ke Siak. Setelah semua alat kebesaran Johor-Riau dibawa balik ke Johor, Raja Sulaiman dilantik menjadi sultan Johor-Riau-Lingga-Pahang pada 04 Oktober 1722 dengan memakai gelaran Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah. Manakala Daing Merewah (Kelana Jaya Putera) telah dilantik menjadi Yamtuan Muda dengan gelaran Sultan Alauddin Shah (Buyong Adil 1971: 95)


Kemudiannya diadakan pula majlis perkahwinan beramai-ramai di antara raja-raja Bugis dengan raja-raja Melayu Johor-Riau:

- i. Daing Chelak dikahwinkan dengan Tengku Mandak, saudara Raja Sulaiman,
- ii. Daing Menampok dikahwinkan dengan Tengku Tipah, emak saudara Raja Sulaiman,
- iii. Daing Masuru dikahwinkan dengan Tun Kechik dan Tun Enah dikahwinkan dengan Daing Mengetok anak almarhum Yamtuan Muda Tun Mahmud, Marhum Mangkat di Kayu Anak, sepupu Raja Sulaiman,

- iv. Daing Merewah, Yamtuan Muda (1) beristerikan Tun Che' Ayu (Anak Temenggong Riau) balu Marhum Sultan Mahmud Mangkat Dijulang. Tun Che' Ayu merupakan janda berhias kerana belum bersama dengan almarhum. Ketika dikahwinkan dengan Marhum Mangkat Dijulang dahulu, dia masih kecil lagi dan tidak lama selepas itu almarhum mangkat dibunuh.

Sejak itu, pusat kekuatan orang-orang Bugis di bahagian barat Nusantara yang dahulunya berpusat di negeri Selangor telah berpindah ke Riau dan perhubungan antara raja-raja Melayu Johor-Riau dengan raja-raja Bugis bertambah kuat (Buyong Adil 1971: 96-102). Itulah bermulanya petempatan awal orang-orang Bugis di Johor-Riau.

Salasilah Sultan Johor dan perkaitan kekeluargaan dengan keluarga Bugis



Peristiwa Perang Johor-Jambi

Johor berusaha untuk mendapatkan semula suatu kawasan antara Indragiri dengan Jambi yang dipanggil Tungkai dari Kerajaan Jambi. Pada asalnya Tungkai memang menjadi milik Johor tetapi telah disatukan secara paksa di bawah Kerajaan Jambi. Pada tahun 1629, Johor menuntut supaya Tungkai diserahkan semula tetapi tidak ada keputusan yang diambil. Tungkai masih berada di bawah pentadbiran Jambi sehingga tahun 1655. Masyarakat Johor

telah menghasut rakyat Tungkal agar memberontak dan akhirnya menjadikan Tungkal di bawah pentadbiran Johor. Pemerintah Jambi sangat marah dengan perkembangan itu kerana baginda telah menyerahkan Tungkal kepada isterinya sebagai hadiah perkahwinan. Pemerintah Jambi mengakui kedudukan kekuasaan Johor dan lebih memilih untuk menyelesaikan persengketaan dengan cara damai. Pada bulan Ogos 1658, Belanda menerima berita tentang perkahwinan yang bakal berlangsung antara keluarga diraja Jambi dengan keluarga diraja Johor (Andaya L. Y. 1987: 112).

Pada tahun 1659, Raja Muda (Raja Ibrahim) Johor mengahwini puteri Pengeran Ratu iaitu pemerintah Jambi. Perkahwinan ini memberi harapan cerah terhadap kemungkinan satu perikatan yang saling menguntungkan antara kedua-dua kerajaan. Raja Muda adalah putera kepada Sultan Hammat Syah Johor (1613-1623) dengan puteri Jambi yang kemudian telah pulang ke Jambi selepas kematian suaminya pada tahun 1623. Hubungan kekeluargaan ini telah menimbulkan kebimbangan kepada Sultan Abdul Jalil Riayat Syah Johor (1623-1677) berkaitan hak kuasa baginda. Selepas kemangkatan Sultan Hammat Syah, Laksamana telah diamanahkan untuk menaikkan pemerintah yang ada sekarang tetapi dengan syarat bahawa takhta itu akan dikembalikan semula kepada putera Sultan Hammat apabila baginda meningkat dewasa. Sultan Abdul Jalil tidak begitu bersedia melepaskan jawatan yang disandangnya dengan alasan bahawa putera Sultan Hammat telah dilantik sebagai Raja Muda, yang menjadi pewaris takhta bagi meredakan kekhuatirannya.

Sultan Abdul Jalil mungkin tidak terfikir yang perkahwinan ini akan menjadi satu ancaman kepada kekuasaan baginda sendiri ketika perkahwinan itu dirundingkan dahulu. Akan tetapi selepas peminangan itu diterima, baginda merasa bimbang sehingga tercetusnya peperangan yang berlarutan antara Jambi dengan Johor sehingga memakan masa hampir dua dekad lamanya. Persengketaan antara Johor dengan Jambi berterusan sehingga akhir kurun ketujuh belas. Punca utama yang menyebabkan persengketaan ini ialah sikap tidak hirau Johor terhadap tatasusila yang betul dalam hubungan kedua-dua buah kerajaan dan memandang remeh terhadap kedaulatan Jambi. (Andaya L. Y. 1987: 113).

Pergeseran antara Johor dan Jambi terus berlaku apabila Sultan Abdul Jalil meluahkan kemurkaan terhadap penghinaan Pangeran Ratu dari Jambi melalui pelanggaran adat resam yang dilakukan dengan nyata dan disengajakan. Memang sudah menjadi adat bahawa nama dan mohor kedua-dua pemerintah dan rakyat diletakkan pada bahagian tengah surat. Bagaimana pun, dua pucuk surat yang diterima, didapati Pangeran Ratu telah meletakkan nama dan mohornya pada bahagian atas surat itu. Cara itu kurang sopan dan menunjukkan bahawa Pangeran Ratu lebih berkuasa daripada pemerintah Johor. Penghinaan yang dirancang seperti itu telah menjadi amalan tradisi orang Melayu menunjukkan rasa kurang senang atau kemarahan secara halus untuk mengelakkan sesuatu yang tidak diingini melalui persengketaan secara langsung. Belanda menawarkan diri menjadi orang tengah dalam percubaan menyelesaikan perselisihan ini. Belanda bimbang persengketaan ini akan mengganggu aktiviti perdagangan mereka. Belanda terlibat dalam perdagangan lada hitam di Jambi dan barangan lain di seluruh Kepulauan Melayu melalui pintu masuk Selat Melaka. Namun, usaha Belanda untuk merapatkan hubungan Johor dan Jambi gagal kerana kedua-dua pihak tidak menemui kata sepakat untuk berdamai.

Perang antara Jambi dengan Johor berlaku dengan peristiwa tunjuk kekuatan yang dilancarkan sekali sekala oleh kedua belah pihak ke atas ibu negeri lawannya. Peperangan sengit ini tidak banyak berlaku dan jarak masa antara peperangan itu adalah lama. Namun peperangan di laut untuk menguasai jalan perdagangan berlaku setiap hari. Pergeseran berlaku bukan sahaja melibatkan seranagn ke atas kapal-kapal musuh tetapi juga kapal-kapal berkecuali yang singgah di pelabuhan. (Andaya L. Y. 1987: 133).

Menurut *Hikayat Negeri Johor*, Belanda telah mengirimkan 12 pucuk meriam logam dan ubat bedil ke Jambi dan tidak membenarkan kapal-kapal Johor pergi ke Bengkalis untuk mempertahankan Johor daripada serangan Jambi. Pada tahun 1673, Jambi telah melanggar Johor hingga mengakibatkan Johor musnah. Pemerintah Johor terpaksa melarikan diri ke Palembang sementara Laksamana Tun Abdul Jalil pula menyelamatkan diri di pulau-pulau berhampiran (Ismail Hussein 1962: 57).

Sumbangan Laksamana Tun Abdul Jamil (Paduka Raja) Dalam Kemajuan Johor-Riau

Laksamana Tun Abdul Jamil telah mendapat kuasa penuh menjalankan pentadbiran negeri ketika pemerintahan Sultan Abdul Jalil Syah. Namun, Sultan Ibrahim Syah yang menggantikan Sultan Abdul Jalil Syah tidak berminat bergantung sepenuhnya kepada Laksamana Paduka Raja. Laksamana mendapat kedudukan yang tinggi dalam masyarakat Johor kerana mereka terhutang budi kepada Laksamana yang mengamankan Johor-Riau (Hooker 1991: 139). Ketika itu perhubungan Johor dengan Belanda juga mencapai tahap yang paling baik. Apabila Johor meminta kebenaran untuk menghantar kapal-kapal yang penuh dengan muatan lada hitam terus ke Aceh untuk diniagakan, kebenaran itu telah diberikan sebagai tanda hormat walaupun pada hakikatnya perbuatan itu bertentangan dengan dasar Syarikat Hindia Timur Belanda Bersatu (VOC). Keistimewaan ini sesungguhnya sangat penting bagi Johor. Apabila perhubungan biasa telah pulih semula dengan Jambi yang kaya dengan hasil lada hitam, muncullah pengaliran lada hitam 'secara gelap' yang tetap ke Johor.

Bilangan kapal asing yang semakin bertambah singgah di Riau membuktikan semakin meningkatnya kemakmuran Johor sejak kemusnahan Johor Lama dalam tahun 1673 dahulu. Emas Indragiri mengalir ke Riau dibeli oleh orang Inggeris, Siam, Patani dan China dengan harga yang jauh lebih tinggi daripada yang pernah ditawarkan oleh Belanda. Kekurangan kain di Melaka mendorong pada pedagang bertumpu di Riau kerana barang yang menjadi tarikan kepada bumiputera ini lebih mudah diperolehi di sana. Oleh sebab pedagang-pedagang Moor (India Islam) membekalkan kain yang begitu dihargai dalam perdagangan antara negeri-negeri di Asia, Belanda mencuba untuk menghalang pedagang-pedagang Moor itu daripada singgah di pelabuhan-pelabuhan di bawah pemerintahan anak negeri di Kepulauan Melayu.

Namun, Belanda tidak mempunyai kapal yang cukup untuk meronda kawasan-kawasan itu dan pedagang Moor terus-menerus melangkaui Melaka serta mengelakkan daripada membayar cukai yang tinggi. Johor memburukkan lagi keadaan apabila menghantar tiga hingga lima buah kapal setiap tahun untuk berdagang secara langsung dengan Aceh (Andaya L.Y. 1987: 172). Menurut persetujuan dengan Belanda, Johor sepatutnya hanya menghantar sejumlah kapal yang ditentukan setiap tahun dengan muatan barang-barang gelap yang dihadkan. Sebaliknya Johor menghantar lapan hingga dua puluh buah kapal untuk membawa hamba abdi, barang-barang yang tidak dibenarkan seperti lada hitam dan tembaga. Kapal ini pulang membawa muatan kain dari India. Johor bukan sahaja membekalkan kawasan sekitarnya dengan kain ini tetapi turut menarik perdagangan emas dan lada hitam dari Jambi dan Indragiri. Sultan Ibrahim juga membekalkan kapal-kapal dari Petani, Aceh dan pedagang-pedagang Melayu yang bukan rakyat Johor dengan pas kebenaran baginda supaya mereka dapat berdagang tanpa kebimbangan campur tangan Belanda.

Kejayaan-kejayaan Paduka Raja ini merupakan hasil langsung kejayaan beliau dalam bidang ekonomi. Ramai daripada pemerintah Melayu di pantai timur Sumatera tidak menolak untuk menyertai lingkungan pengaruh sebuah kerajaan yang kuat dan makmur di samping dapat menjamin peluang ekonomi yang menguntungkan. Sudah jelas dalam kalangan kerajaan peribumi terutamanya pihak Belanda di Melaka bahawa Johor-Riau telah berjaya menjadi sebuah pusat perdagangan antarabangsa yang terkenal. Perkara yang paling

menggembirakan Paduka Raja ialah penduduk Melaka sendiri pun datang ke Riau untuk mendapatkan keperluan mereka. Penduduk Melaka telah mengadu kekurangan beras dan terpaksa pergi ke Riau kerana terdapat beras yang berlebihan di sana. Kapal-kapal Jawa datang untuk berdagang ke Riau sendiri daripada kapal-kapal besar dengan jumlah yang banyak jika dibandingkan dengan yang belayar ke Melaka. (Andaya L. Y. 1987: 170).

Paduka Raja menerajui pemerintahan Johor dengan hati-hati dalam usaha untuk membangunkan dan memajukan Johor sebagai sebuah kuasa Melayu yang disegani. Johor berhasrat untuk menjadi dengan sebuah bandar raya pelabuhan yang dapat menyaingi pelabuhan Melaka. Kedudukan Johor menjadi semakin kuat hasil daripada suatu perikatan yang menguntungkan dan aman dengan Belanda. Johor juga dilihat berjaya menerusi dasar politik dan ekonomi yang agresif selepas tahun 1641 di bawah pimpinan Laksamana Tun Abdul Jamil. Permusuhan dengan Jambi akibat perkahwinan antara Raja Muda Johor dengan seorang puteri Jambi pada tahun 1659 membantu membolehkan Laksamana mencapai matlamat dan cita-cita beliau. Oleh sebab peperangan hanya terbatas kepada kejadian-kejadian pencerobohan ke atas wilayah musuh dan serang-menyerang ke atas kapal musuh di laut, peranan Laksamana semakin bertambah penting dalam kerajaan (Andaya L. Y. 1987: 189).

Peluang paling baik timbul dengan penyerangan Jambi yang tidak diduga dan kemusnahan Johor Lama pada tahun 1673. Sultan Johor telah melarikan diri ke Pahang dan memberikan Laksamana kebebasan dalam usaha membangunkan semula kerajaan Johor. Dengan demikian, Laksamana telah melaksanakan satu dasar dua matlamat. Pertamanya, membalas dendam ke atas Jambi dan kedua, memulihkan semula imej Johor dalam dunia Melayu dengan menjadikan pelabuhan utamanya sebagai pusat perdagangan antarabangsa yang sebenar (A. Jalil Hj. Ahmad 1985: 72). Laksamana meminta Belanda bersikap berkecuali, di samping meminta bantuan psikologi, prestij dan kebendaan dari Siam dan Pagar Ruyung dalam peperangannya dengan Jambi. Serentak dengan itu, Laksamana mengambil peluang daripada keistimewaan perjanjian Johor dengan Belanda untuk memperluas dasar perdagangan Johor.

Pada tahun 1679, Laksamana berjaya mendapat kemenangan muktamad ke atas Jambi dan mengenakan peraturan pembayaran ganti rugi. Pangeran Dipati Anum yang menguasai Jambi bersetuju membayar ganti rugi untuk memujuk pasukan Johor supaya berundur. Beliau bersetuju memberi Laksamana sejumlah kira-kira 10,000 rijksdaalders tunai, dua pucuk meriam besi, dan memulangkan semua emas dan orang Johor yang ditawan sebagai pampasan atas kemusnahan Johor Lama yang berlaku pada tahun 1673 (Andaya L. Y. 1987: 163).

Kesimpulan

Empayar Johor-Riau muncul selepas kejatuhan Kesultanan Melayu Melaka. Orang Melayu amnya dan rakyat Melaka sendiri khususnya menganggap bahawa mereka sebenarnya belum kalah di tangan Portugis seperti jatuhnya Kesultanan Melayu Melaka ke tangan Portugis. Rakyat Melaka mengatakan bahawa negeri mereka sahaja yang kalah tetapi kedaulatan mereka masih tetap teguh. Rakyat Melaka berpendapat, kejatuhan sesebuah negeri itu ialah apabila pemerintah atau raja mereka hilang. Jika negeri sahaja yang musnah, tidak bererti mereka kalah. Hal ini kerana negeri itu boleh dibuka di mana-mana sahaja tetapi kedaulatan seorang raja tidak boleh dicari ganti.

Ekoran daripada prinsip itulah, tertubuhnya Kerajaan Johor-Riau dan rakyat tetap memberi ketaatan yang tidak berbelah bahagi. Namun kemunculan Johor-Riau tidak disenangi oleh pihak-pihak tertentu dan sering diserang oleh Aceh, Belanda dan Jambi.

Serangan Jambi telah menyebabkan kemusnahan terus empayar Johor-Riau. Atas usaha gigih Laksamana Tun Abdul Jalil iaitu salah seorang pembesar Johor, Johor-Riau bangkit semula menjadi sebuah pusat perdagangan di rantau Melayu yang paling sibuk dalam masa singkat. Kejayaan Johor-Riau telah menarik Raja Kecil untuk menaiki takhta Johor-Riau dengan mendakwa bahawa beliau merupakan waris tunggal Sultan Mahmud Mangkat Dijulang ketika pemerintahan Sultan Abdul Jalil Riayat Syah.

Raja Kecil menaiki takhta kerajaan Johor-Riau selepas berjaya mengalahkan Johor dan Sultan Abdul Jalil Riayat Syah dijadikan Bendahara semula. Ketika ini rakyat Johor seolah-olah mempunyai dua orang pemimpin kerana sesetengah rakyat mengikut Raja Kecil dan ada pula yang mengikut Sultan Abdul Jalil Riayat Syah. Maka bertapaklah orang-orang Minangkabau di rantau Johor-Riau. Namun, timbul pula pakatan antara Tengku Tengah dan Sultan Sulaiman dengan Upu Bugis lima bersaudara. Pakatan sulit ini berpunca daripada rasa tidak puas hati dengan kedudukan Raja Kecil dan orang-orang Minangkabau di Johor. Rancangan ini telah berjaya merampas kembali takhta kerajaan Johor-Riau dan Raja Sulaiman dilantik menjadi sultan Johor-Riau. Upu Daing Merewah telah dilantik menjadi Yamtuan Muda Johor-Riau dan jawatan ini menjadi hak turun temurun untuk orang-orang Bugis seperti yang dipersetujui dalam perjanjian. Bermula dari itulah rakyat Bugis datang beramai-ramai ke Johor-Riau. Jelaslah bahawa interaksi sosial yang berlaku telah mengubah landskap masyarakat Johor-Riau.

Bibliografi

- Ayu Nor Azilah binti Mohamad. 2000. "Transformasi Sosial Dalam Karya-Karya Historiografi (Berdasarkan Teks-Teks Pilihan)." *Latihan Ilmiah*. Bangi:Universiti Kebangsaan Malaysia.
- A. Jalil Hj. Ahmad. 1985. "Hikayat Johor: Satu Ulasan Menyeluruh." *Dewan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Mac.
- A. Samad Ahmad. 1979. *Sulalatus Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Samad Ahmad. 1985. *Kerajaan Johor-Riau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Andaya L. Y. 1987. *Kerajaan Johor 1641-1728.: Pembangunan Ekonomi dan Politik*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Buyong Adil. 1971. *Sejarah Johor*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hooker V. M. 1991. *Tuhfat Al-Nafis: Sejarah Melayu-Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hussein (pnyl.). 1962. *Hikayat Negeri Johor*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Jayaudun Jamaudin. 1993. *Sejarah Islam*. Kuala Lumpur: Elmen.
- Muhammad Yusoff Hashim (pnyl.). 1992. *Hikayat Siak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Raja Haji Ahmad & Raja Ali Haji. 1982. *Tuhfat Al-Nafis*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Rogayah A. Hamid (pnyl.). 1980. *Hikayat Upu Daeng Menambun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shaharom Husain. 1995. *Sejarah Johor: Tonggak Kerajaan Melayu Johor*. Singapore: Pustaka Melayu.